

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9

### 130,000 isi rumah miskin tegar ditangani tahun ini

## 130,000 isi rumah miskin tegar ditangani tahun ini

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri yakin sebanyak 130,000 ketua isi rumah miskin tegar akan dapat ditangani dan dinotahkan pada tahun ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, setakat 15 Mac lalu kerajaan sudah mengenal pasti sebanyak 123,243 ketua isi rumah miskin tegar untuk dibantu.

"Bagaimanapun, saya sengaja letakkan jumlah sebanyak 130,000 ketua isi rumah ini kerana kemungkinan jumlahnya akan bertambah."

"Jika ikut keupayaan jabatan kita mampu menangani dan menotahkan (isi miskin tegar)," katanya pada Waktu Pertanyaan

Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) mengenai pendekatan terbaru dan kemajuan pelaksanaan Kerajaan Perpaduan untuk menotahkan kemiskinan secara holistik.

Menteri Kewangan itu berkata, kerajaan sudah membangunkan sistem e-Kashif sebagai pangkalan data kemiskinan nasional di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) yang bertujuan mendaftarkan golongan miskin di negara ini berdasarkan Pendapan Rakyat (IPR) dan mengurangkan beban kos sara hidup melalui Sumbangan Tunai Rah-

jukan kepada semua agensi pem-

beri bantuan yang terbabit dalam program pembasiman kemiskinan dengan mengakses data atau maklumat kemiskinan yang sama di peringkat Persekutuan ma-

hupun negeri.

#### Laksana dua pendekatan

Beliau berkata, dengan data diperoleh itu, kerajaan berusaha menotahkan kemiskinan melalui program diselaraskan menerusi dua pendekatan iaitu meningkatkan pendapatan rakyat miskin dengan Inisiatif Pendapan Rakyat (IPR) dan mengurangkan beban kos sara hidup melalui Sumbangan Tunai Rah-

mah (STR).

"Bagi IPR, sebanyak RM750 juta diperuntukkan di bawah tiga inisiatif diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)."

"Selain itu sebanyak 400,000 bantuan diberikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mereka yang mudah terjejas, subsidi, bantuan serta insentif sebanyak RM64 billion serta pelaksanaan konsep Payung Rahmah," katanya.

Bagi mengurangkan beban kos sara hidup, Anwar berkata, kerajaan akan meneruskan bantu-

an berdasarkan keperluan kepada kumpulan sasar iaitu STR yang diberikan kepada hampir sembilan juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir RM8 bilion.

"Pembayaran Fasa 1 STR dilaksanakan pada 17 Januari lalu membabitkan 8.7 juta penerima dengan jumlah bantuan sebanyak RM1.67 bilion, manakala bagi Fasa 2 STR, ia akan dilaksanakan pada 5 April ini iaitu di pertengahan bulan Ramadan."

"Setakat hari ini (semalam), hampir 574,886 permohonan baharu diterima dan mereka yang ingin membuat permohonan boleh dibuat sehingga 31 Mac ini," katanya.